



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35**

**Transformasi Pengurusan ISO: Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras
Secara Atas Talian (e-LPFA)**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) Kali ke- 35 mengenai Aktiviti Transformasi Pengurusan ISO berkaitan Pembangunan Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA).

Latar Belakang

2. Modul Laporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) membuat pengisian maklumat berkaitan Pelan Fungsian dan Aras tanpa mengemukakan dokumen bagi menggantikan proses pengisian dan penghantaran data secara manual sebelum ini. Modul pelaporan ini akan dipautkan dalam Portal Jaminan Kualiti (CQA) bersama dengan aplikasi atas talian lain di bawah tanggungjawab Pusat Jaminan Kualiti yang dibangunkan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC).

3. Pembangunan sistem ini adalah bagi mencapai objektif-objektif berikut:
- a. Untuk memudahkan dan mempercepatkan proses perubahan/pindaan pelan fungsian dan aras peringkat PTJ, dan penghantaran data pencapaian pelan fungsian.
 - b. Untuk memudahkan proses pelaporan dan penyediaan statistik pelaksanaan Pelan Fungsian dan Aras di peringkat universiti oleh pihak Pusat Jaminan Kualiti UPM.

4. Sistem ini melibatkan beberapa modul sepertimana berikut:

Peranan : Urusetia PTJ


- a. Modul Penghantaran Laporan Pelan Fungsian dan Aras:
 - Proses menginput rekod bagi menyediakan laporan Pelan Fungsian dan Aras.
 - Proses carian dan memaparkan laporan Pelan Fungsian dan Aras bagi mengemaskini dan menghapus rekod.
- b. Modul Laporan Pelan Fungsian dan Aras:
 - Proses carian berdasarkan tahun dan memaparkan laporan berdasarkan templat yang diberikan.
 - Mencetak laporan Pelan Fungsian dan Aras.

Peranan : Admin / Pusat Jaminan Kualiti

- a. Modul Pengurusan Pengguna:
 - Membuat proses pengurusan pengguna bagi tujuan untuk membenarkan pengguna mengakses modul e-LPFA dalam Portal Jaminan Kualiti (CQA).
- b. Modul Pengurusan Templat Laporan Pelan Fungsian dan Aras:
 - Proses pengurusan templat laporan di mana pengurus sistem dibenarkan membina, mengedit dan menghapuskan template Laporan Pelan Fungsian dan Aras.
- c. Modul Laporan Pelan Fungsian dan Aras :
 - Proses carian berdasarkan tahun dan memaparkan laporan berdasarkan templat yang diberikan.
 - Mencetak laporan Pelan Fungsian dan Aras.

5. Rekabentuk Konsep Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras adalah sepertimana berikut:

Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras



6. Sistem e-LPFA sedang dalam peringkat pembangunan di pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan dijadualkan akan diujilari (trial run) pada pertengahan September 2017.

Syor

7. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM, Universiti Putra Malaysia Kali ke 35 dimohon mengambil maklum dan perhatian berkaitan Pembangunan Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA) UPM untuk pelaporan bermula penghujung tahun 2017.